

22/01/1997

Kad pintar tahun depan: Mahathir (HL)

Mustapha Omar in Tokyo

TOKYO, Selasa - Mulai tahun depan, rakyat Malaysia dijangka dapat menggunakan kad pintar dalam semua transaksi elektronik termasuk sebagai kad kredit, telefon dan keahlian kelab.

Bagaimanapun, kerajaan belum memutuskan sama ada kad pintar itu juga boleh digunakan sebagai kad pengenalan walaupun ia memiliki semua ciri-ciri yang ada pada kad pengenalan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, berikutan banyak transaksi membabitkan setiap orang, tidak semua perkara boleh dimasukkan dalam kad berkenaan apabila ia diperkenalkan.

"Saya sudah tengok kad pintar yang direka bentuk oleh rakyat Malaysia. Kad itu boleh menyimpan banyak data dan pelbagai transaksi boleh dibuat. Sekurang-kurangnya dua syarikat tempatan mampu mengeluarkan kad pintar itu," katanya.

Perdana Menteri memberitahu demikian di sidang akhbar di akhir lawatannya ke sini bagi mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC). Sebelum ini, beliau menemui pelabur Amerika Syarikat di Los Angeles dan San Francisco untuk tujuan yang sama.

Kad pintar adalah satu daripada tujuh aplikasi utama yang akan diperkenalkan dalam MSC. Aplikasi lain termasuk sekolah bestari, kerajaan elektronik, teleperbankan dan teleperubatan.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, dari segi keselamatan kad pintar, beliau masih bimbang walaupun sudah diberi jaminan oleh pihak terbabit.

"Jika kita memiliki sesuatu teknologi, sudah tentu ada pihak lain yang tahu mengenainya. Kita tidak boleh menafikan kemampuan penjenayah komputer. Jika mereka boleh memasuki komputer, tidak ada sebab mereka tidak boleh masuk ke dalam kad pintar."

"Kita sudah diberikan jaminan bahawa teknologi kita sentiasa berada satu tahap di atas. Sebenarnya, tidak ada suatu pun yang kita lakukan selamat," katanya.

Ditanya apakah kad pengenalan itu akan menyebabkan orang ramai terpaksa sekali lagi beratur di pejabat pendaftaran untuk menukar kad pengenalan, Perdana Menteri berkata kerajaan akan berurusan dengan orang ramai melalui komputer.

"Orang ramai boleh berurusan dengan kerajaan melalui komputer, Itulah sebabnya kita mahu melaksanakan kerajaan elektronik kerana sekarang beban kerja kakitangan kerajaan semakin bertambah."

"Contohnya, bagi Jabatan Imigresen, jika suku daripada 16 juta rakyat Malaysia melancong ke luar negara setiap tahun perlu membuat pasport, empat juta orang akan berbuat demikian."

"Ini sekali gus menyebabkan kerja kakitangan kerajaan semakin berat. Perkara ini hanya dapat diatasi dengan penggunaan komputer. Ia juga akan mengurangkan beban kerja," katanya.

Mengenai kepentingan MSC kepada rakyat Malaysia, Dr Mahathir berkata dalam memastikan pembangunan negara berkembang pesat, kegiatan ekonomi negara berubah daripada berasaskan pertanian kepada industri.

Tanpa proses industri, kerajaan tidak boleh membangunkan negara dengan pesat dan sekarang Malaysia sudah mencapai satu tahap yang boleh dikatakan memuaskan.

"Tidak dapat dinafikan bahawa dalam pembangunan industri, tidak ada rakyat yang tidak bekerja, kecuali mereka sendiri yang tidak mahu bekerja. Sekarang, zaman sudah bertukar daripada industri kepada zaman maklumat."

"Dalam zaman maklumat ini, industri baru akan muncul dan kalau kita tidak masuk dalam bidang ini, pembangunan negara kita akan tersekat dan pembangunan rakyat juga tergendala."

"Ini bermakna cara hidup, pendapatan dan kegiatan intelektual rakyat semuanya akan tinggal di belakang, berbanding dengan bangsa lain," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebagai satu bangsa yang ingin bangun dalam semua segi, rakyat Malaysia tidak boleh mengetepikan perkembangan teknologi maklumat kerana jika ia diketepikan, bukan saja pembangunan negara akan terbantut, malah rakyat juga akan ketinggalan dalam semua segi.

Apa yang kerajaan cuba lakukan dalam MSC mempunyai kaitan rapat dengan rakyat Malaysia dan ia perlu dilaksanakan berhati-hati bagi mengelak kesan buruk.

"Oleh itu, kita cuba kawal perkembangan ini di kawasan MSC saja, supaya kita dapat tentukan jika ia tidak sesuai, kita akan hadkan kepada kawasan berkenaan saja, tetapi kalau ia sesuai, kita akan kembangkan ke seluruh negara."

"Jika kita buka sekali gus di seluruh negara untuk kegiatan dalam industri baru ini, jika berlaku sesuatu tidak diingini, ia mungkin sukar untuk dikawal," katanya.

Perdana Menteri berkata, langkah seterusnya ialah kerjasama Kerajaan Selangor, pemilik tanah dan pegawai kerajaan supaya mempercepat proses pembangunan kawasan terbabit.

(END)